

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PELORUS INTELLIGENCE & TECHNOLOGY ACADEMY
SDN. BHD.

DISEDIAKAN OLEH :

MOHD HAZWAN DIN BIN HASHIM
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(MARITIM)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

CN: 2279

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100039907

LI 33 FPE 2 2005



1100039907

Laporan akhir latihan industri di Perlorus Intelligence & technology Academy Sdn.Bhd / Mohd Hazwan Din Hashim.



PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100039907

1100030003

21030 KUALA TERENGGANU

1100039907

Lihat sebelah



**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PELORUS INTELLIGENCE & TECHNOLOGY ACADEMY
SDN. BHD,
SELANGOR DARUL EHSAN**

Disediakan Oleh :

**MOHD HAZWAN DIN BIN HASHIM
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(MARITIM)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan kepada :

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1100039907

ISI KANDUNGAN

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
	PENGHARGAAN	ii
	RINGKASAN EKSEKUTIF	iv

BAB SATU

1.0	PENGENALAN	1
1.1	LATAR BELAKANG SYARIKAT	5
1.2	ANAK SYARIKAT	8
1.3	KERJASAMA	9
1.4	GABUNGAN	10
1.5	SENARAI PROJEK	11
1.6	LOKASI	15
1.7	MAKLUMAT ORGANISASI	17
1.8	SENARAI NAMA KAKITANGAN SYARIKAT	20
1.9	FUNGSI DAN AKTIVITI BAHAGIAN	23
1.9.1	BAHAGIAN PENGURUSAN	23
1.9.2	BAHAGIAN KEWANGAN	23
1.9.3	BAHAGIAN PELAKSANAAN PROJEK	24
1.10	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	29
1.11	KEKUATAN ORGANISASI	30
1.11.1	PIHAK PENGURUSAN DAN KAKITANGAN	30
1.11.2	PRINSIP SYARIKAT	31
1.11.3	POLISI SYARIKAT	31

BAB DUA

2.0	PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN	32
2.1.0	SISTEM PEROLEHAN PROJEK	32
2.1.1	PENGENALPASTIAN MASALAH	37
2.1.2	PUNCA MASALAH	39
2.1.3	KESAN DARI PERMASALAHAN TERSEBUT	40
2.1.4	CADANGAN PENYELESAIAN	41
2.1.5	KESAN DARI PENYELESAIAN	42
2.2.0	SISTEM PENGAMBILAN DAN PELAKSANAAN PROJEK	43
2.2.1	PENGENALPASTIAN MASALAH	46
2.2.2	PUNCA MASALAH	47
2.2.3	KESAN DARI MASALAH	48
2.2.4	CADANGAN PENYELESAIAN	48
2.2.5	KESAN PENYELESAIAN MASALAH	49
2.3.0	SISTEM PENERIMAAN PEMBAYARAN	50
2.3.1	PENGENALPASTIAN MASALAH	53
2.3.2	PUNCA MASALAH	54
2.3.3	KESAN DARI MASALAH	54
2.3.4	CADANGAN PENYELESAIAN	54
2.3.5	KESAN DARI PENYELESAIAN	55

BAB 3

3.0	RUMUSAN DAN CADANGAN KESELURUHAN	56
3.1	CADANGAN LATIHAN INDUSTRI	58
	RUJUKAN	60
	LAMPIRAN	61

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **MOHD HAZWAN DIN BIN HASHIM**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **PGN 4799** ini adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung di dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Dimaklumkan di sini Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Yang benar,



Nama : Mohd Hazwan Din Bin Hashim

Tarikh :27 November 2003.....

Disahkan oleh:



En Madzli b. Hj. Harun
Penyelia KUSTEM
b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada En. Madzli Harun selaku Penyelia Latihan Industri KUSTEM di atas segala bantuan, tunjuk ajar dan segala nasihat yang telah diberikan sebelum dan sepanjang tempoh saya menjalani latihan industri. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas kesudian beliau memberikan tunjuk ajar dan garis panduan kepada pelatih di dalam menyipakan laporan ini. Segala kerjasama yang diberikan amatlah saya hargai.

Seterusnya, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak PELORUS INTELLIGENCE & TECHNOLOGY ACADEMY (M) SDN. BHD. kerana sudi mengambil saya untuk menjalani latihan industri di sana. Begitu juga kepada Kapten Razali Yaacob, selaku CEO syarikat di atas segala pengalaman dan ilmu yang telah diberikan.

Tidak ketinggalan juga penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada En. Norzali Bin M. Zain kerana telah banyak membantu, memberi tunjuk ajar dan mendedahkan saya dengan pelbagai ilmu dan pengalaman yang belum pernah saya pelajari dan tempuhi sebelum ini. Sesungguhnya segala ilmu yang diberikan oleh beliau kepada saya merupakan sesuatu yang dianggap khazanah yang dapat melengkapkan diri saya baik dari segi ilmu dan pengalaman untuk saya aplikasikan nanti di alam pekerjaan.

Selain itu, terima kasih juga kepada semua kakitangan PELORUS yang turut memberikan kerjasama yang tidak berbelah kepada pelatih sewaktu menjalani latihan industri. Kerjasama dan segala pertolongan yang telah diberikan telah memudahkan pelatih untuk menjalani latihan industri dengan sebaik yang mungkin. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada mereka yang turut terlibat secara langsung dalam memberikan pelatih maklumat-maklumat yang berkaitan dengan operasi kerja di PELORUS.

Selain itu, ucapan terima kasih juga kepada ahli-ahli jawatankuasa latihan industri kerana telah bertungkus lumus bekerja bagi melancarkan lagi proses latihan industri ini. Kesungguhan dan kesabaran mereka melayari karenah-karenah pelajar amatlah dihargai.

Akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada keluarga di atas sokongan dan dorongan yang telah diberikan. Sokongan dan dorongan yang diberikan ini telah banyak membantu pelatih semasa menjalani latihan industri.

MOHD HAZWAN DIN BIN HASHIM
SARJANA MUDA PENGURUSAN MARITIM
KUSTEM

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri (LI) merupakan satu komponen kursus yang sangat penting di dalam program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi. Melalui latihan industri ini pelatih telah dapat mempelajari dengan lebih mendalam lagi mengenai teori dan pengajaran yang selama ini hanya dipelajari di dalam bilik kuliah sahaja. Melalui latihan industri, apa yang selama ini dipelajari di dalam bilik kuliah telah dapat pelatih lihat melalui realiti alam pekerjaan. Selain daripada itu, LI turut mendedahkan pelatih mengenai gambaran dan situasi sebenar alam pekerjaan. Pelatih telah didedahkan dengan pelbagai situasi di samping pendedahan di dalam aspek kemahiran asas mengenai profesionalisme pekerjaan di mana ianya berkaitan dengan program pengajian yang sedang diduduki oleh pelatih ketika ini di KUSTEM. Sepanjang 3 bulan menjalani LI, pelatih telah ditempatkan di PELORUS INTELLIGENCE & TECHNOLOGY ACADEMY, di mana syarikat ini mempunyai perniagaan yang berteraskan latihan dan juga perundingan. Syarikat ini telah ditubuhkan pada Mac 2000 dan kini beroperasi di Pusat Komersial UNITEN yang bertempat di Bangi, Selangor. Sepanjang berada di PELORUS, pelatih telah ditempatkan di bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pemasaran. Pelatih telah diberi peluang untuk mempelajari selok belok dunia perniagaan di dalam industri maritim, di samping diberi pendedahan mengenai teknik-teknik untuk membentang, berjumpa dengan pelanggan dan pelbagai lagi kemahiran interpersonal yang lain. Pelatih turut berpeluang untuk mempelajari sekurang-kurangnya 3 sistem kerja sepanjang berada di PELORUS. 3 sistem kerja yang dimaksudkan ialah Sistem Perolehan Projek, Sistem Pengambilan dan Pelaksanaan Projek dan juga Sistem Penerimaan Pembayaran. Pelatih telah melakukan beberapa analisis dan mendapat terdapat beberapa masalah sebenar di samping potensi untuk mendapat masalah di dalam sesuatu sistem kerja itu wujud. Justeru, melalui laporan ini, pelatih turut menyenaraikan beberapa cadangan penyelesaian untuk menyelesaikan masalah yang timbul. Namun ingin dijelaskan di sini, tidak semua masalah yang diutarakan merujuk kepada masalah yang sebenar, namun ada di antara masalah tersebut lahir daripada buah fikiran pelatih sendiri. Secara keseluruhannya, pelatih berharap agar di masa hadapan laporan ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak yang membacanya.